

# 4,663

NASKHAH  
DALAM KOLEKSI  
MANUSKRIP  
MELAYU PNM

# 148

NASKHAH  
MANUSKRIP  
MELAYU  
DENGAN 213  
JUDUL DIBELI  
SEPANJANG  
2013

# Martabat manuskrip Melayu

BH 27/5/14  
MS 8



Muhyiddin (kanan) **melihat Manuskrip Hikayat Hang Tuah** ketika melawat pameran Antarabangsa Manuskrip Melayu di Perpustakaan Negara, turut hadir Mohamed Nazri (dua kiri) dan Raslin (kiri). [ FOTO YAZIT RAZALI/ BH ]

© **Definisi manuskrip** Karya bertulis tangan dalam tulisan Jawi, dihasilkan sekitar abad ke-15 hingga awal abad ke-20.

© **Manuskrip terawal** Kitab Khalq al-Samawat al-Ard, karangan Syeikh Nurudin al-Raniri pada 31 Mei 1637 atas perintah Sultan Iskandar Thani. Manuskrip ini berusia hampir 376 tahun.

© **Manuskrip paling bernilai** Hikayat Hang Tuah, mengandungi 182 halaman berukuran 33.5 x 21.5 sentimeter. Ditulis di atas kertas laid Eropah, berusia hampir 300 tahun dan diiktiraf pada Memory Of The World Register oleh UNESCO pada 20 Oktober 2001.

## » Pulihara bukti kebijaksanaan intelek bangsa

Oleh Mohd Hamizar Hamid  
mizar@bh.com.my

### ► Kuala Lumpur

**C**endekiawan tempatan harus terus mempertahankan serta memartabatkan manuskrip Melayu sebagai dokumen negara yang terpenting.


Ketika mengingatkan demikian, Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin, berkata inisiatif memulakan usaha ke arah mengenal pasti, mengesan taburan manuskrip Melayu di seluruh dunia dan mengumpulnya semula di negara ini perlu dilakukan secara agresif.

Katanya, ada sarjana Melayu tidak mengenali atau mem-

perkenalkan budaya sendiri, sedangkan sarjana Barat seperti Roolvink, Teeuw, Joselin de Jong, George Coedes dan Snouck Hurgronje, mampu menjadi pakar rujuk dalam memperkatakan mengenai bahasa, adat, tradisi lisan, batu bersurat, bahasa Melayu kuno serta pelbagai aspek peradaban Melayu.

"Justeru, diharap lebih ramai pengkaji tempatan dan penuntut peringkat sarjana mendalami kajian mengenai manuskrip Melayu di negara tertentu," kata Timbalan Perdana Menteri ketika merasmikan Pameran Antarabangsa Manuskrip Melayu 2014, di sini semalam.

Turut hadir, Menteri Pelancongan dan Kebudayaan, Datuk Seri Mohamed Nazri Aziz; Penasihat Kerajaan Dalam Hal Ehwat Sosial dan Kebudayaan, Tan Sri Dr Rais Yatim serta Ketua Pengarah Perpustakaan Negara Malaysia (PNM), Datuk Raslin Abu Bakar.



**Patung tahanan** antara yang dipamerkan di pameran Antarabangsa Manuskrip Melayu di Perpustakaan Negara.

### Hikayat Hang Tuah diiktiraf UNESCO

Beliau difahamkan, ahli akademik tempatan sudah mengkaji hampir 30 peratus daripada 10,000 manuskrip Melayu di seluruh dunia

setakat ini, bukti yang menunjukkan pembabitan bangsa itu dalam pelbagai bidang merangkumi keagamaan seperti tajwid, fiqh dan tasawwuf selain pengetahuan dalam tatanegara, undang-undang serta ilmu bahasa.

"Sebelum ini, pengkaji dan penyelidik Barat berpendapat pengarang Melayu hanya meniru dan mencodok gaya sastera Hindu dan Arab. Namun apabila manuskrip ini dikaji dan diberi pengertian baharu oleh pengkaji, ternyata ia menggambarkan kebijaksanaan intelek Melayu zaman dulu," katanya.

Sambil berharap lebih banyak bahan sedemikian yang masih berada dalam simpanan badan dan individu tertentu diemuka serta dipamerkan kepada khalayak untuk memperkaya khazanah manuskrip Melayu, Muhyiddin yang juga Menteri Pendidikan berkata, manuskrip yang disimpan hanya akan bernilai tinggi jika dapat memberi manfaat kepada umum.

"Kita bangga dengan pengiktirafan *Hikayat Hang Tuah* sebagai dokumen warisan negara, 'Memory Of The World Register' oleh UNESCO (Pertubuhan Pendidikan Sainifik dan Kebudayaan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu) pada 20 Oktober 2001 dan berharap lebih banyak manuskrip Melayu mendapat pengiktirafan sedemikian," katanya.

### Giatkan penghayatan, kajian manuskrip Melayu

Sementara itu, Nazri berkata,

penghayatan dan kajian mendalam mengenai manuskrip Melayu perlu dipergiatkan untuk memberi tafsiran baharu mengenai falsafah dan pemikiran yang terkandung di dalamnya, sekali gus tidak terbelenggu dengan tafsiran tidak tepat oleh orientalis, diputar belit, disalah tafsir dan diperlekeh sarjana barat.

"Manuskrip Melayu yang ditulis antara kurun ke-13 hingga kurun ke-19 bukan saja mencerminkan kerajaan Melayu ketika aman dan bergolak, tetapi turut menawarkan banyak maklumat praktikal dan moral berhubung peningkatan taraf hidup orang Melayu. Teks itu boleh memberi maklumat yang baik mengenai orang Melayu.

"Proses penyalinan, penulisan semula dan penyuntingan berulang-ulang dari semasa ke semasa menyebabkan maklumat dan ilmu dalam manuskrip itu bukan saja lebih banyak, tetapi lebih mudah dimanfaatkan berbanding yang terdapat pada batu bersurat, daun, kulit binatang dan papan yang jarang ditemui lagi," katanya.

# Pameran rangkai kehebatan bangsa

“

Pengkaji dan penyelidik Barat berpendapat pengarang Melayu hanya meniru dan mencedok gaya sastera Hindu dan Arab. **Namun apabila manuskrip ini dikaji dan diberi pengertian baharu oleh pengkaji, ternyata ia menggambarkan kebijaksanaan intelek Melayu zaman dulu”**


**Muhyiddin Yassin,**  
Timbalan Perdana Menteri

BH 27/5/14  
MS 9.



**Koleksi senjata** antara yang dipamerkan di pameran Antarabangsa Manuskrip Melayu di Perpustakaan Negara.





**Kuala Lumpur:** Lebih 100 naskhah manuskrip Melayu dari dalam dan luar negara dipamerkan selama dua bulan di galeri perahu besar Melayu atau Pinis Gobel di Perpustakaan Negara Malaysia (PNM), di sini bermula semalam.

Pameran bertemakan, 'Merungkai Rahsia Manuskrip Melayu' itu dianjurkan sempena Tahun Melawat Malaysia 2014, secara simboliknya menggunakan model perahu besar yang melambangkan kehebatan ilmu pelayaran dan seni bina perkapalan orang Melayu zaman dulu kala.

Pengunjung pasti terpesona menjelajah 10 segmen pameran, dibangunkan dengan mengambil kira ruang yang digunakan oleh penghuni perahu besar Melayu ketika itu seperti ruang navigasi, bilik nakhoda, ruang memasak, bilik tahanan, bilik simpanan senjata, bilik rawatan, ruang libur, ruang simpanan, ruang solat dan seni hias.

Inisiatif Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan menerusi PNM itu turut memberi peluang pengunjung menelusuri pengembaraan yang merakam segala ilmu pengetahuan mengenai bangsa

Melayu. Pameran berkenaan juga diangkat sebagai salah satu produk pelancongan ilmu.

#### **Promosi pelancongan Islam**

Ia turut menyokong promosi pelancongan Islam menerusi produk dan aktiviti berasaskan agama suci berkenaan seperti tulisan Jawi yang mengisi kandungan manuskrip Melayu silam, sekali gus menarik minat masyarakat dari seluruh dunia Islam berkunjung ke Malaysia.

Sehingga kini, PNM mempunyai koleksi 4,663 naskhah manuskrip asal dalam pelbagai genre. Jumlah

manuskrip yang dimikrofilemkan ialah 1,264 naskhah, manakala jumlah yang telah diimbas untuk pendigitan sejak November 2009, berjumlah 1,387 naskhah.

Bagi mengumpul koleksi berkenaan, seramai 229 penyelidik menggalas tanggungjawab itu tahun lalu dengan jumlah bahan yang diselidik membabitkan 716 naskhah manuskrip asal dan 57 gegelung mikrofilem. Sebanyak 149 naskhah manuskrip Melayu dengan 213 judul turut dibeli sepanjang tempoh sama.

PNM kini giat menjalankan pel-

bagai aktiviti promosi bagi meningkatkan kesedaran masyarakat terhadap koleksi unik terbabit. Turut memeriahkan program adalah acara sampingan seperti demonstrasi pemuliharaan manuskrip, demonstrasi perubatan dan refleksiologi, jualan buku, pertandingan Instagram, kuiz dan cabutan bertuah.

Pameran berakhir 26 Ogos depan ini juga boleh dikunjungi secara maya menerusi <http://pmk.pnm.gov.my>. Untuk maklumat lanjut, layari [www.pnm.gov.my/pamm](http://www.pnm.gov.my/pamm) atau hubungi talian 03-26871700/1819.